

01/06/2000

Peserta yakin kos pemindahan teknologi nominal

KUALA LUMPUR, Rabu - Peserta Sidang Kemuncak Perniagaan Asia-Eropah 2000 yakin ahli perniagaan Eropah yang mengadakan usaha sama dengan usahawan Asia bersedia memindahkan teknologi dengan kos nominal.

Malah, mereka berkata, sidang kemuncak dua hari yang berakhir hari ini turut memberi peluang kepada ahli perniagaan dari kedua-dua benua bertukar pengalaman serta berkongsi kepakaran.

Pengarah Urusan HIS Malaysia yang berpangkalan di Belanda, Bas Boorsma, berkata banyak bidang, termasuk pembangunan teknologi boleh dikongsi bersama antara usahawan Eropah dan Malaysia.

"Pembangunan industri dan perindustrian sudah bertapak kukuh di Eropah dan kini tumpuan dalam teknologi maklumat dan industri (ICT), katanya ketika mengulas cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar ahli perniagaan benua itu yang mengadakan usaha sama memindahkan teknologi dengan kos nominal.

Perdana Menteri ketika merasmikan sidang kemuncak itu semalam berkata, pembangunan teknologi tidak statik dengan jangka hayatnya hanya beberapa bulan, dan apa yang dipindahkan hari ini mungkin tidak lagi canggih ketika produk itu dipasarkan.

Sidang kemuncak dua hari yang dianjurkan Yayasan Global Panel, HIS Malaysia dan Kumpulan Utusan itu bertemakan 'Membentuk Semula Hubungan Perniagaan Eropah-Asia Tenggara: Keadaan Baru, Pembentuk, Trend dan Peluang.'

Boorsma berkata, pelbagai bidang boleh diterokai bersama dan kejayaan menganjurkan sidang kemuncak itu membuktikan kedua-dua pihak bersungguh-sungguh membantu satu sama lain.

"Sidang kemuncak ini berjaya membawa ramai ahli perniagaan Eropah dalam industri pengangkutan dan ICT untuk berdialog dengan rakan mereka di Asia," katanya.

Beliau berkata, berikutan sambutan yang menggalakkan sidang kemuncak itu akan diadakan di Belanda tahun depan, sebelum kembali semula ke Kuala Lumpur pada 2002.

Pengarah Eksekutif Aribas World Tours Sdn Bhd, Bas Melssen, berkata tidak ada sebab pandangan Dr Mahathir itu tidak dapat dilaksanakan.

Bagaimanapun, katanya, pemindahan teknologi itu lebih mudah dilaksanakan sekiranya usahawan Eropah dan Asia menjalin usaha sama.

Beliau yang mengadakan usaha sama dengan ahli perniagaan tempatan berkata, teknologi perlu dikongsi bersama bagi membolehkan pelbagai pihak mendapat manfaatnya.

"Menerusi usaha sama ini saya bukan saja dapat menarik pelancong Eropah melawat Malaysia, tetapi membolehkan pemindahan teknologi dan kepakaran," katanya.

(END)